

Mohd. Azmi dilantik TNC UPM

PROF. Dr. Mohd. Azmi Mohd Lila dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan inovasi) Universiti Putra Malaysia (UPM) selama tiga tahun mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2016.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan ketika mengumumkan perlantikan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata perlantikan baharu itu ialah bagi menggantikan Prof. Datuk Dr. Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar yang tamat tempoh pelantikannya pada 31 Disember 2013.

“Sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), beliau bertanggungjawab dalam



MOHD. AZMI MOHD LILA

pembangunan penyelidikan melalui pembudayaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan hasil penyelidikan (R&D&C) di UPM,” katanya

Tambah beliau, pihak pengurusan UPM menyifatkan perlantikan Prof. Dr. Mohd. Azmi akan dapat memperkembangkan dan memantapkan lagi aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan hasil penyelidikan, dan seterusnya memastikan UPM terus kekal sebagai Universiti Penyelidikan terkemuka.

Mohd Fauzi turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd. Salleh di atas sumbangan beliau sepanjang perkhidmatan sebagai Timbalan

Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UPM di sini.

Sementara itu, Mohd. Azmi, 49, memulakan karier di UPM sejak lebih daripada 23 tahun lalu sebagai tutor pada tahun 1990, pensyarah pada 1994 diikuti Prof. Madya pada 2001 dan kemudiannya Profesor pada 2003.

Beliau pernah menjadi Pengarah Institut Biosains (2004-2006), Pengarah Pusat Pembangunan Perniagaan Universiti (2001-2003). Selain itu, beliau juga merupakan pengasas dua laboratori penyelidikan universiti yang berkaitan dengan penyelidikan penghasilan vaksin dan juga penyelidikan kanser.

Mohd. Azmi memperoleh PhD dari Universiti of Cambridge, United Kingdom pada 1994, Master of Business Administration (MBA) dari UPM pada 2001, Master of Law (LLM in Business Law) dari Universiti Islam Antarabangsa, 2007 dan Doktor Perubatan Veterinar, 1988.